



KENYATAAN AKHBAR

OPERASI MAKANAN SELAMAT SEMPENA TAHUN BARU CINA TAHUN 2019

1. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sentiasa peka dan mengambil berat isu berkaitan keselamatan dan kualiti makanan di pasaran domestik dan import. Jabatan ini sangat komited dalam memastikan tahap kebersihan premis dan makanan yang dijual sentiasa berada dalam tahap yang memuaskan bagi memastikan makanan yang disediakan di premis makanan adalah selamat dan berkat untuk dimakan oleh pengguna. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa seperti melaksanakan operasi secara berkala dan mengejut disamping promosi atau makluman melalui hebahan, pameran, taklimat, edaran risalah, banner dan bunting kempen keselamatan makanan.
2. Pada 28 dan 29 Januari 2019, Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah seluruh negeri Kelantan telah menjalankan Operasi Tahun Baru Cina di daerah masing-masing bagi memastikan peniaga atau pengusaha yang menjual makanan memberi perhatian dan peka dengan dengan keperluan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang telah ditetapkan.
3. Daripada **59** premis yang telah diperiksa, sejumlah **1928** item telah dirampas dengan nilai rampasan sebanyak **RM 14,528.00** dibawah seksyen 4(1)(f) Akta Makanan 1983 atas kesalahan tidak mematuhi kehendakan pelabelan sebagaimana dalam peraturan 9, 10 dan 11 Peraturan - Peraturan Makanan 1985. Antara produk makanan yang dirampas adalah serbuk teh, jeruk, susu pekat berperisa dan sebagainya bagi kesalahan seperti tiada label yang dipamerkan, label dalam bahasa selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, tamat tarikh luput dan kerosakan pada pembungkus. Operasi dilaksanakan dengan 94 orang anggota dengan sebanyak 59 buah premis dilawati di seluruh Kelantan.

4. Peniaga yang didapati menjual produk makanan tanpa pelabelan yang sempurna, tamat tarikh luput dan produk yang pembungkus telah rosak seperti kemek, mengandungi gelembung udara dan pecah boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah seksyen 15 boleh didenda sebanyak RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.
5. Jabatan ini ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab peniaga supaya memastikan pelabelan makanan menepati kehendak yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 bagi menjamin keselamatan pengguna. Label makanan import yang tidak sempurna seperti tidak menggunakan bahasa melayu atau bahasa Inggeris serta ketiadaan alamat pengimport boleh mendatangkan masalah kebolehesanan sekiranya berlaku perkara tidak diingini ke atas pengguna.
6. Adalah dinasihatkan orang-ramai khususnya yang mengunjungi premis yang menjual makanan di seluruh Negeri Kelantan supaya memilih produk makanan yang mempunyai label yang betul pada produk, tidak tamat tarikh luput dan tiada kerosakan fizikal pada pembungkus.
7. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://jknkelantan.moh.gov.my/v3/> atau facebook Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan <https://www.facebook.com/HealthofKelantan>.

Sekian, terima kasih.

DR ZAINI BIN HUSSIN

PENGARAH KESIHATAN KELANTAN

28 Januari 2019

**GAMBAR-GAMBAR SEKITAR OPERASI MAKANAN SELAMAT TAHUN BARU
CINA PADA 28-29/1/2019**



Pemeriksaan Makanan di pasaraya di sekitar daerah Kota Bharu



Pemeriksaan makanan di gudang pemborong makanan di sekitar daerah Tumpat



Barangan yang dirampas di bawah seksyen 4(1)(f) Akta Makanan 1983 atas kesalahan tidak mematuhi kehendak pelabelan sebagaimana dalam peraturan 9, 10 dan 11 Peraturan-Peraturan Makanan 1985